

## **Bachelor Kejuruteraan Mekanikal**

### **Pengenalan**

Program Bachelor Kejuruteraan Mekanikal merupakan program 4 tahun, dimana para pelajar dikehendaki menamatkan 136 kredit pembelajaran sebelum bergraduat. Pelajar juga dikehendaki menjalani Latihan Industri selama minimum 10 minggu semasa cuti semester pada Semester Kedua, Tahun 3. Kandungan dan struktur kurikulum bagi program ini telah direkabentuk selaras dengan keperluan pihak berkepentingan serta objektif dan hasil pembelajaran program yang telah ditetapkan. Objektif utama penawaran program ini ialah untuk mengeluarkan graduan jurutera terlatih dalam bidang kejuruteraan mekanikal dengan pengetahuan tambahan dalam bidang kejuruteraan pembuatan.

Jurutera mekanikal bertanggungjawab dalam reka bentuk mekanikal, teknologi pembakaran dan bahan bakar, pemindahan haba, pemilihan bahan, pemprosesan pembuatan, kawalan automatik, keselamatan produk dan kesan teknologi terhadap masyarakat. Jurutera mekanikal juga harus memastikan reka bentuk sesuatu alat dibuat dengan cekap, berkesan, boleh harap dan ekonomik. Di samping itu, mereka mengilhamkan, merancang, mereka bentuk dan mengarah pembuatan, pengagihan dan operasi pelbagai jenis peranti, mesin dan sistem untuk pemprosesan bahan, pengangkutan, penyelenggaraan dan tujuan-tujuan lain.

### **Peluang Kerjaya**

Peluang pekerjaan bagi graduan Kejuruteraan Mekanikal adalah luas dan majikan-majikan merangkumi dari syarikat kecil dan sederhana kepada organisasi, multinasional dan jabatan-jabatan kerajaan. Industri mekanikal menyediakan pekerjaan-pekerjaan dalam bidang reka bentuk, penyelidikan dan pembangunan, pembuatan, pengurusan, pemasaran, penyelenggaraan, jualan dan perkhidmatan teknikal. Rekod terdahulu menunjukkan bahawa para graduan dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan sering mendapat pekerjaan yang relevan.

## Syarat Kemasukan

<b>Bachelor Kejuruteraan Mekanikal (PK08)</b> 8 Semester		
Memenuhi Syarat Am Universiti dan Keperluan Khas Program		
a) Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.80 b) Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 dalam Malaysian University English Test (MUET) ATAU Kredit dalam pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM		
c) Dan		
Pemegang STPM	Pemegang Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Asasi UiTM/Asasi Sains Pertanian UPM	Pemegang Diploma / Setaraf
Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) dalam <ul style="list-style-type: none"> <li>• Matematik Tambahan; DAN</li> <li>• Fizik</li> </ul>	Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) dalam <ul style="list-style-type: none"> <li>• Matematik / Matematik Kejuruteraan; DAN</li> <li>• Fizik/Fizik Kejuruteraan/Kimia/ Kejuruteraan Kimia/Sains Kejuruteraan/Kejuruteraan Mekanikal</li> </ul>	Memiliki Diploma dalam bidang yang sesuai dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.80 atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat UPM

## Kurikulum (2016 – 2020):

Kursus yang ditawarkan dibahagi kepada tiga kategori, iaitu Kursus Umum, Kursus Teras dan Kursus Elektif:

Komponen Kurikulum	Keperluan EAC (jumlah jam kredit minimum)	Kurikulum Bachelor Kejuruteraan Mekanikal	Peratus
Kursus Umum	Tiada nilai minimum ditetapkan	41	30.15%
Kursus Teras	90	83	61.03%
Kursus Elektif		12	8.82%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>135</b>	<b>136</b>	<b>100%</b>

**Jumlah Jam kredit bergraduat: 136**

**Tempoh Pengajian: 8 semester (4 tahun)**

### **Yuran Pengajian:**

Kod	Program	Purata Kos Seorang Pelajar Setahun	Yuran Pengajian Dibayar oleh Pelajar Setahun*	Subsidi Kerajaan Kepada Pelajar Setahun
64	<b>Bachelor Kejuruteraan Mekanikal</b>	<b>RM26,315.00</b>	<b>RM4,489.00</b>	<b>RM21,826.00</b>

\*Bayaran yuran semester pertama untuk pelajar baharu tempatan ialah RM2,637.00 setakat 2 Ogos 2018. Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

### **Pegawai untuk dihubungi:**

#### **Prof. Madya Ts. Dr. Wan Zuha bin Wan Hasan**

B.E.(UPM), M.Sc.(UPM), Ph. D (UKM), SMIEEE

#### **Timbalan Dekan (Prasiswazah)**

Telefon: 603-89464365

Emel: [wanzuha@upm.edu.my](mailto:wanzuha@upm.edu.my)

#### **Profesor Madya Dr. Zulkiflle b. Leman**

B.Sc. (Tri-State), M.Sc. (Warwick), Ph.D. (UPM)

BEM, MySeT, MSAVE, AVS

#### **Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan**

Telefon : 03-89464422/6336

Emel: [zleman@upm.edu.my](mailto:zleman@upm.edu.my)

#### **En. Jamali bin Janib**

B.B.A. (UPM), MBA (GSM, UPM)

#### **Penolong Pendaftar Kanan (Prasiswazah)**

Telefon: 603-8946 6275

Emel: [jamali@upm.edu.my](mailto:jamali@upm.edu.my)

### **Alamat:**

**Bahagian Pengajian Prasiswazah**

**Fakulti Kejuruteraan**

**Universiti Putra Malaysia**

**43400 UPM Serdang**

**SELANGOR, MALAYSIA**

**Telefon: +603-8946 6272 / 6273**

**Faks: +603-86567124**

**Emel: [eng.tdps@upm.edu.my](mailto:eng.tdps@upm.edu.my)**

**Website: [www.eng.upm.edu.my](http://www.eng.upm.edu.my)**

Tarikh Kemas kini: 12 September, 2018